

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MARIAM BINTI ABDUL RASHID
(N42 MERU)**

TAJUK : STATISTIK JENAYAH DI DUN MERU

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jenayah mengikut kategori yang berlaku di DUN Meru
- b) Adakah kerajaan negeri merancang untuk menambah bilangan balai polis atau meningkatkan rondaan keselamatan di kawasan ini?
- c) Apakah tindakan yang diambil kepada warga asing yang terlibat dengan jenayah?

JAWAPAN:

- a) Dun Meru terletak dibawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara. Mempunyai (6) Balai Polis iaitu Balai Polis Kapar, Balai Polis Bukit Raja, Balai Polis Bandar Sultan Suleiman, Balai Polis Meru, Balai Polis Sg Kapar dan Balai Polis Bandar Baru Klang.

Dun Meru di bawah tanggungjawab dan pentadbiran Balai Polis Meru, IPD Klang Utara. Mempunyai kekuatan seramai 26 anggota termasuk Ketua Polis Balai.

1) JENAYAH KEKERASAN SEPANJANG TAHUN 2024

JENIS-JENIS JENAYAH	JUMLAH KES
BUNUH	1 KES
ROGOL	2 KES
SAMUN BERKAWAN BERSENJATAPI	0 KES
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	11 KES
SAMUN BERSENJATAPI	0 KES
SAMUN TANPA S/API	5 KES
MECEDERAKAN	12 KES
JUMLAH KESELURUHAN	31 KES

2) JENAYAH HARTA BENDA SEPANJANG TAHUN 2024

JENIS-JENIS JENAYAH	JUMLAH KES
CURI	26 KES
CURI MOTOKAR	2 KES
CURI MOTORSIKAL	25 KES
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	3 KES
PECAH RUMAH/PREMIS	27 KES
JUMLAH KESELURUHAN	83 KES

3) JUMLAH KESELURUHAN KATEGORI JENAYAH TAHUN 2024

JENIS KATEGORI	JUMLAH KES
JENAYAH KEKERASAN	31 KES
JENAYAH HARTABENDA	83KES
JUMLAH KESELURUHAN	114 KES

- b) Pihak PDRM khususnya Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Daerah Klang Utara telah menetapkan beberapa kawasan hotspot iaitu kawasan yang kerap berlakunya kes jenayah dengan membuat kajian setiap bulan supaya rondaan MPV dan URB lebih berfokus, bersasar dan dinamik supaya dapat membendung berlakunya kes jenayah di kawasan Meru. Hasil kajian yang dibuat, sebanyak (23) tangkapan berkaitan kesalahan memiliki dadah, sebanyak (10) tangkapan berkaitan pelbagai kesalahan jenayah dan (5) tangkapan wanted person oleh MPV dan URB IPD Klang Utara bagi sepanjang tahun 2024. MPV dan URB juga melawat kesemua premis yang diletakkan peti polis yang melibatkan (3) shif penugasan iaitu 24 jam di kawasan yang menjadi sasaran penjenayah untuk melakukan jenayah seperti di kawasan bank, kedai emas dan premis 24 jam.

c) STATISTIK PATI YANG TERLIBAT JENAYAH DI DUN MERU SEPANJANG TAHUN 2024

i) BERIKUT ADALAH PECAHAN PATI YANG TERLIBAT JENAYAH MENGIKUT NEGARA

NEGARA	JUMLAH TANGKAPAN	PERTUDUHAN
INDONESIA	92 ORANG	PENJARA DAN HANTAR KE PIHAK IMEGRESEN UNTUK PENGUSIRAN
BANGLADESH	7 ORANG	
NEPAL	22 ORANG	
MYANMAR	13 ORANG	
INDIA	2 ORANG	
JUMLAH KESELURUHAN	126 ORANG	

ii) **PECAHAN PATI YANG TERLIBAT JENAYAH NARKOTIK MENGIKUT NEGARA**

NEGARA	JUMLAH TANGKAPAN	PERTUDUHAN
INDONESIA	23 ORANG	PENJARA DAN HANTAR KE PIHAK IMEGRESEN UNTUK PENGUSIRAN
BANGLADESH	8 ORANG	
NEPAL	6 ORANG	
THAILAND	1 ORANG	
JUMLAH KESELURUHAN	38 ORANG	

iii) **JUMLAH KESELURUHAN PATI YANG TERLIBAT DALAM KESALAHAN JENAYAH DAN JENAYAH NARKOTIK**

JENIS JENAYAH	JUMLAH TANGKAPAN
JENAYAH (BSJD)	126 ORANG
JENAYAH NARKOTIK (BSJND)	38 ORANG
JUMLAH KESELURUHAN	164 ORANG